

Projek bantu usahawan asnaf, jihad pendidikan

PPZ-MAIWP, Bank Rakyat dan UMSKAL lancar Projek Asnafpreneur Bank Rakyat, 30 terima sumbangan RM5,000

UB 24.05.2023 P.04

LABUAN: Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dengan kerjasama Bank Rakyat dan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melancarkan Projek Asnafpreneur Bank Rakyat di Bilik Eureka, Bangunan Menara UMSKAL pada Selasa.

Kerjasama ini bertujuan membantuan usahawan asnaf di Labuan yang berpotensi untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Melalui projek ini, 30 usa-



PAMERAN: Tan Sri Dr. Abdul Aziz (kiri) melawat pameran PPZ-MAIWP.



SEMANGAT: Tan Sri Dr. Abdul Aziz (tengah) melaungkan Jihad Pendidikan bersama pelajar UMSKAL.



USAHAWAN: Tan Sri Dr. Abdul Aziz (lima kanan), Mohd Zamerey (empat kanan) dan Prof. Madya Dr. Geoffrey (empat kiri) bergambar kenangan bersama usahawan asnaf.



PENGANJUR: AJK Penganjur merakam kenangan bersama tetamu kehormat.



AGIH: Tan Sri Dr. Abdul Aziz mengagihkan makanan kepada pelajar UMSKAL sumbangan daripada PPZ-MAIWP.

hawanasnaf menerima sumbangan kewangan sebanyak RM5,000 oleh Bank Rakyat melalui dana wakalahnya dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM150,000.

Usahawan-usahawan ini juga akan diberi bimbingan dan pantauan khas oleh UMSKAL melalui Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan bagi sesi monitoring, coaching dan motivasi selama 6 bulan bermula Mei hingga Oktober 2023.

Ketua Pegawai Syariah Bank Rakyat, Mohd Zamerey Abdul Razak berkata program itu merupakan satu inisiatif yang amat dilaukan-alkan yang mana bertepatan dengan komitmen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) untuk membantu golongan usahawan meliputi pelbagai sektor dan industri yang terjejas sebelum ini untuk bangkit semula.

"Bank Rakyat sentiasa bersepadu dan komited untuk menjadi pemudah cara bagi menjayakan sebarang usaha sama yang memberi pulangan kepada masyarakat secara merentas seluruh negara, khususnya golongan asnaf dan yang memerlukan," katanya berucap merasmikan Majlis Projek Asnafpreneur.

Inisiatif ini memperlukhatkan keperluan dan ihsan Bank Rakyat terhadap kesejahteraan masyarakat lebih-lebih lagi dalam kawasan operasi perbankannya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa

Labuan, Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjai yang mewakili pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Sabah berbesar hati dengan kerjasama ini bagi mewujudkan hubungan sinergi di antara PPZ-MAIWP, Bank Rakyat dan juga UMSKAL.

Katanya, kerjasama ini melibatkan usahawan asnaf di Labuan yang berpotensi untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Beliau berkata bimbingan dan pantauan khas kepada usahawan akan dikendalikan oleh pensyarah daripada Fakulti Kewangan Antarabangsa

Labuan sendiri yang mempun-

ya keparahan dan pengalaman mengendalikan projek keusahawanan bersama industri.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Md Mansur berkata pihak UMSKAL juga bertujuan kasih dengan sumbangan tajaan makanan kepada pelajar asnaf di samping sumbangan buah makanan kepada kolej kediaman UMSKAL.

Seramai 400 pelajar asnaf menerima sumbangan tajaan makanan daripada PPZ-MAIWP.

Inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak PPZ-MAIWP untuk usahawan asnafpreneur dan sumbangan

yang diberikan kepada pelajar UMSKAL diharapkan dapat dimanfaatkan dalam jangka masa yang panjang di samping jalinan kerjasama dapat diperkuatkan lagi antara FKAL, UMSKAL dan PPZ-MAIWP.

Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman ketika berucap merasmikan Program Jihad Pendidikan @ UMSKAL pula berkata, pengurusan projek ini sedikit sebanyak dapat membantu usahawan asnaf ini melihat lebih jauh potensi perniagaan mereka.

"Ini merupakan peluang terbaik buat usahawan asnaf



RASMI: Tan Sri Dr. Abdul Aziz (tengah) melancarkan Program Jihad Pendidikan @ UMSKAL manakala Mohd Zamerey (dua kiri) merasmikan Projek Asnafpreneur yang turut dihadiri Prof. Madya Dr. Geoffrey (dua kanan), Abdul Hakim (kiri) dan Mohd Fauzi.

Dalam majlis sama turut diadakan Pelancaran Program Jihad Pendidikan @ UMSKAL yang bertujuan untuk memperluas dakwah zakat dalam kalangan pelajar dan pekerja institusi pengajian tinggi.

Tambah beliau, PPZ-MAIWP juga ingin menyertai syiar korporat agar memunalak zakat dan menggalakkan kaitan membuat potongan gaji zakat di PPZ-MAIWP bagi mendapat Skin Wakalah atau dasar pembentulan semula wang zakat.

Pengembalian semula wang zakat ini boleh dimanfaatkan semula kepada kakitangan atau mereka yang kurang berkecukupan.

Dapat menunjukkan kitaran daripada pembayar zakat kepada pemanafaat zakat yang berhak termasuklah bantuan pendidikan kepada para pelajar universiti.

Abdul Aziz berkata Jihad Pendidikan merupakan salah satu inisiatif PPZ-MAIWP kepada para pelajar dan pekerja institusi agar lebih memahami kepentingan memunalak zakat serta usaha bagi mendekati para pelajar asnaf.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Fauzi Abidin.